

## ***SELANGOR KINI ONLINE – 15 SEPTEMBER 2009***

### ***Worldwide Rai 40 Anak-anak Yatim, Ibu Tunggal, Warga Emas dan OKU***

Monday, 14 September 2009 | Ruangan: [Berita](#)

SHAH ALAM, 14 Sept - Menjelang bulan Syawal ini, banyak syarikat korporat tempatan tampil menghulurkan bantuan dan sumbangan kepada mereka yang tidak bernasib baik, agar Aildifitri dapat disambut dengan gembira dan lebih bermakna.

Sehubungan itu, sebuah syarikat hartanah dan pengurusan alam sekitar, Worldwide Holdings Berhad hari ini, meraikan kira-kira 40 termasuk anak-anak yatim, ibu tunggal, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) dalam satu majlis berbuka puasa anjurannya hari ini.

Mereka adalah penghuni Rumah Amal Kasih Bestari, Subang dan Rumah Amal Limpahan Kasih Puchong, menerima sumbangan duit raya sebanyak 100 ringgit setiap seorang.

“Masih ada lagi orang-orang yang tertinggal, yang tak dapat dibantu, tapi saya rasa perkara ini boleh dikemukakan kepada kerajaan negeri untuk dia melihat bagaimana warga-warga emas ataupun asnaf yang tertinggal dalam program zakat ni kita akan kenalpasti dan kita akan masukkan”, kata Mohd Arif.

Pengerusi Worldwide Holdings Berhad, Datuk Mohd Arif Abd Rahman berkata demikian kepada Tv Selangor selepas menyempurnakan Majlis Berbuka Puasa dan Penyerahan Sumbangan Hari Raya di Wisma PKPS, Shah Alam petang semalam.

Majlis seumpama itu, adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) dalam membantu golongan yang tidak berkemampuan membuat persiapan menyambut Hari Lebaran yang akan tiba tidak lama lagi.

Pada majlis itu, empat buah surau yang terletak dalam projek hartanah Worldwide, turut menerima sumbangan wang tunai berjumlah 2 ribu ringgit bagi membiayai aktiviti keagamaan mereka.

Antaranya ialah Surau Al-Islah, Surau Al-Jannah, Surau Al-Hikmah dan Surau Al-Hakim.

Dalam pada itu, Mohd Arif berkata, golongan asnaf yang masih tercicir daripada menerima bantuan zakat turut mendapat perhatian Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah apabila baginda sendiri memberi sumbangan kepada mereka ini dalam 16 program lhya' Ramadhan di setiap daerah di negeri Selangor sepanjang bulan puasa ini.

Selain memberi sumbangan, Mohd Arif juga mahu golongan asnaf ini sentiasa berusaha memperbaiki taraf hidup dan ekonomi melalui pekerjaan ataupun mengikuti program keusahawanan tanpa bergantung sepenuhnya kepada bantuan semata-mata.

“Di peringkat PKNS, saya rasa mereka ada program sebegitu, sebagai sebuah anak syarikat, mungkin kita boleh menyumbang bukan setakat asnaf saja, PKNS juga ada melatih pelajar-pelajar untuk belajar bagaimana untuk menjadi usahawan yang berjaya, saya rasa mereka sudah mempunyai program tersebut”, kata Ketua Pegawai Eksekutif, Worldwide Holdings Berhad, Norazlina Zakaria.

Turut diraikan dalam majlis itu, kakitangan syarikat bersama ahli keluarga masing-masing.

Kira-kira 300 tetamu dan jemputan hadir pada majlis berbuka puasa itu. - MOHD SAHRULNIZAM MOHD ZAIN